

DIFFLAM FORTE ANTI-INFLAMMATORY THROAT SPRAY 0.3%W/V

Benzydamine hydrochloride (0.3% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v
2. Bagaimana Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v berfungsi
3. Sebelum menggunakan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v
4. Cara menggunakan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v
5. Semasa menggunakan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v

Benzydamine hydrochloride dalam Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v digunakan untuk sementara melegakan keadaan mulut dan tekak yang menyakitkan termasuk sakit tekak, ulser dan selepas pembedahan atau prosedur pergigian.

Bagaimana Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v berfungsi

Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v berfungsi dengan mengurangkan kesakitan, kemerahan dan bengkak mulut dan sakit tekak.

Sebelum menggunakan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda mempunyai alahan kepada:

- mana-mana ubat yang mengandungi Benzydamine hydrochloride
- mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

Sesetengah simptom reaksi alahan termasuk:

- sesak nafas
- bunyi berdehit atau kesukaran pernafasan
- bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian badan yang lain
- ruam, gatal-gatal atau geligata pada kulit.

Jika mana-mana perkara di atas berlaku, beritahu doktor anda dengan segera atau pergi ke Unit Kemalangan dan Kecemasan di hospital yang terdekat.

Kehamilan dan penyusuan

Jika anda mengandung, cuba untuk hamil atau menyusu, bertanya kepada ahli farmasi atau doktor untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada pek atau jika bungkusannya koyak atau terdapat kesan-kesan dibuka.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula menggunakan ubat ini,

berbincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

-Sebelum mula menggunakan

Beritahu ahli farmasi anda jika anda mempunyai alahan kepada apa-apa ubat-ubatan lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doctor atau ahli farmasi jika anda ada masalah kesihatan yang berikut:

- jangkitan bakteria yang tidak dirawat di kerongkong

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda dapat tanpa preskripsi atau yang herba dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Ahli farmasi atau doktor anda mempunyai maklumat ubat-ubatan yang memerlukan perhatian atau dielakkan semasa menggunakan ubat ini.

Cara menggunakan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v

Ikut semua arahan pada pek atau arahan yang diberikan oleh ahli farmasi atau doktor anda dengan teliti.

Jika anda tidak memahami arahan pada kotak, minta ahli farmasi atau doktor anda untuk membantu.

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 12 tahun: 2-4 semburan ke

kawasan yang sakit/meradang dan menelan dengan perlahan.

Kanak-kanak (6-12 tahun): 2 semburan ke kawasan yang sakit/meradang dan menelan dengan perlahan.

Selepas digunakan, lapkan muncung dengan tisu bersih untuk mencegah penyumbatan.

-Bila perlu menggunakan

Ulang setiap 1½ -3 jam jika perlu.

-Berapa lama perlu digunakan

Tidak harus digunakan secara berterusan selama lebih daripada 7 hari.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v, mengambil dos seterusnya sebaik sahaja anda teringat.

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos anda yang telah terlepas.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dengan serta-merta telefon ahli farmasi atau doctor untuk mendapatkan nasihat, atau pergi Unit Kemalangan dan Kecemasan di hospital yang terdekat. Jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v, lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Semasa menggunakan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v

-Perkara yang perlu dilakukan

Ahli farmasi atau doktor anda akan menilai keadaan anda dan membuat

keputusan jika anda perlu terus menggunakan ubat ini.

-Perkara tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v untuk merawat apa-apa aduan lain melainkan jika ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

Jangan memberi ubat kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disyorkan melainkan jika ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

Jangan gunakan ubat ini di kalangan kanak-kanak di bawah umur 6 tahun.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berbincang dengan ahli farmasi atau doktor anda jika symptom anda tidak bertambah baik.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda menggunakan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v.

Ubat ini membantu kebanyakan orang, namun ia mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah orang. Semua ubat-ubatan boleh mempunyai kesan sampingan. Kadang-kadang ia serius, tetapi kebanyakan masa ia tidak. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan jika anda mendapat beberapa kesan sampingan.

Jangan berasa bimbang tentang senarai kesan-kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak mengalami apa-apa daripada kesa-kesan ini.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda untuk menjawab apa-apa soalan yang anda ada.

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mendapati mana-mana kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- kebas dalam bahagian mulut
- rasa pedih dalam mulut
- kekeringan mulut dan dahaga
- kesemutan atau perasaan hangat di mulut dan perubahan dalam rasa

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Difflam Solution

-Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek asal sehingga masa untuk menggunakannya.

Lindungi daripada cahaya dan simpan ubat anda di tempat yang dingin dan kering. (di bawah 30 ° C).

Jangan simpan Difflam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v atau mana-mana ubat lain di bilik mandi atau berhampiran sinki. Jangan biarkan ia di ambang tingkap atau di dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat ini.

Pastikan ubat ini sentiasa dijauhkan daripada kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter di atas lantai adalah tempat yang baik untuk menyimpan ubat.

-Pelupusan

Tanya ahli farmasi anda apa yang perlu dilakukan dengan mana-mana ubat yang tertinggal, atau jika tarikh luput telah berlalu.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Diffiam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v adalah dos bermeter berwarna putih, pam aerosol dengan penutup berwarna hijau mengandungi 15mL larutan yang jernih.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Setiap ml Diffiam Forte Anti-inflammatory Throat Spray 0.3%w/v mengandungi:

- Benzydamine hydrochloride 3.0 mg

-Bahan tidak aktif

- Glycerol
- Saccharin sodium
- Ethanol
- Methylparahydroxybenzoate
- PEG-40 hydrogenated castor oil
- Mint Flavour
- Purified water

-Nombor MAL

MAL08051758ACRZ

Pengilang

Aziende Chimiche Riunite Angelini
Francesco ACRAF SPA
Via Vecchia Del Pinocchio, 22,
60131 Ancona,
Italy.

Pemegang Pendaftaran Produk

iNova Pharmaceuticals (Singapore) Pte
Ltd (Incorporated in Singapore)
Malaysia Branch
No. 5F-2, 5th Floor, Tower 2
@ PFCC, Jalan Puteri 1/2, Bandar
Puteri, 47100 Puchong, Selangor,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

03/ 01/ 2025

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)140519/00124